

Pendidikan seksual cegah masalah pembuangan bayi

Pendidikan seksual di bangku sekolah dan pemantauan keluarga mengenai kepentingan kesihatan reproduktif dalam kalangan kanak-kanak penting bagi mengelakkan penularan gejala sosial yang menyebabkan kes pembuangan bayi berleluasa.



RASHIDAH menegaskan kawalan daripada ibu bapa penting dalam membendung masalah pembuangan bayi secara berleluasa.

MASALAH kes pembuangan bayi merupakan gejala sosial yang menjadi isu utama dan hangat diperkatakan mutun pada hari ini. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) awal bulan lalu, Selangor menandatangani jumlah kes pembuangan bayi tertinggi iaitu sebanyak 157 kes antara tahun 2010 hingga 2016.

Angka tersebut diikuti dengan Sabah dan Johor yang masing-masing menandatangani sebanyak 84 kes, manakala Kuala Lumpur sebanyak 65 kes, selain 49 kes pembuangan bayi direkodkan di Sarawak.

Selain kes pembuangan bayi tertinggi, Selangor turut merekodkan jumlah tertinggi bayi ditinggalkan di *baby hatch* iaitu sebanyak 29 kes dalam tempoh tujuh tahun lalu.

Ia diikuti oleh Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan yang masing-masing merekodkan dua kes, manakala satu kes direkodkan di negeri Perak dan Pahang.

Biarpun pelbagai langkah telah dilakukan seperti kewujudan *baby hatch*, masalah tersebut tetap menunjukkan peningkatan saban tahun hingga mendatangkan keimbangan pelbagai pihak.

Bagi mendapatkan penjelasan lanjut mengenai isu tersebut, *Kosmo!* Ahad, KHAIRIYAH HANA-FI menemui Pengurus Operasi Yayasan Orphan-

EKSTRA

Datin Rashidah Hasim

- Memegang jawatan sebagai Pengurus Operasi Yayasan OrphanCare
- Dilahirkan dan membesar di Johor Bahru, Johor
- Berumur 54 tahun
- Mempunyai dua orang anak
- Merupakan graduan jurusan sistem maklumat komputer dan pengurusan pemasaran dari Universiti Southeastern, Amerika Syarikat
- Pernah bekerja dengan IBM Business Sdn. Bhd. serta syarikat-syarikat lain.
- Pernah melibatkan diri bersama beberapa buah NGO lain selama 10 tahun sebelum menyertai OrphanCare pada bulan Februari yang lalu.

Care, Datin Rashidah Hasim di pejabatnya di Petaling Jaya, Selangor baru-baru ini.

Kosmo! Ahad: Boleh Datin ceritakan serba ringkas mengenai sejarah dan matlamat penubuhan Yayasan OrphanCare?

DATIN RASHIDAH: Yayasan OrphanCare adalah sebuah organisasi bukan kerajaan (NGO) yang ditubuhkan pada tahun 2008 oleh pengasasnya, Datuk Adnan Mohd. Tahir di bawah naungan Sultanah Pahang, Sultanah Hajah Kalsom dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) serta Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Penubuhan OrphanCare ini diinspirasi daripada tragedi tsunami yang berlaku di Aceh, Indonesia sekitar tahun 2004, apabila beliau melihat ramai kanak-kanak kehilangan ibu bapa dan keluarga akibat bencana tersebut.

Matlamat utama penubuhan OrphanCare adalah untuk memberikan kanak-kanak terpisah daripada ibu bapa dan bayi yang dibuang peluang membesar bersama keluarga penyangga.

Selain itu, OrphanCare juga merupakan satu-satunya NGO yang memperkenalkan *baby hatch*.

Baby hatch atau peti pelindung bayi merupakan satu sistem yang membolehkan orang ramai meletakkan bayi yang tidak diingini mereka secara selamat, tanpa diketahui identiti. Biarpun begitu, ingin saya tegaskan di sini, kewujudan *baby hatch* merupakan pilihan terakhir yang ditawarkan bagi mengelakkan bayi-bayi tersebut daripada dibuang.

Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh PDRM, kes pembuangan bayi menunjukkan kadar peningkatan tinggi, terutamanya di Selangor. Boleh Datin ulas sedikit mengenai isu tersebut?

Setiap kali media melaporkan kes pembuangan bayi di televisyen mahupun di dalam akhbar, saya merasa sangat kecewa kerana kami di OrphanCare sedaya-upaya menyelamatkan bayi-bayi kurang bernasib baik. Kami percaya, mereka mempunyai hak untuk hidup.

Saya lihat kes ini berlaku disebabkan penggunaan media sosial tanpa batasan dan kurangnya

pengawasan daripada ibu bapa. Daripada situ, golongan remaja secara tidak langsung akan terpengaruh dengan budaya negatif yang ditunjukkan dan akhirnya mendorong kepada pergaulan bebas hingga menyebabkan mereka terlarut dan melahirkan anak tidak sah taraf.

Disebabkan khuatir perbuatan tersebut diketahui oleh ahli keluarga, mereka berkemungkinan mengambil keputusan drastik sehingga tergamak membuang bayi berkenaan. Disebabkan itu, kami mewujudkan *baby hatch* kerana sekurang-kurangnya, bayi-bayi yang tidak berdos diberi perlindungan dan peluang untuk hidup.

Ramai yang bertanggungjawab kewujudan *baby hatch* menggalakkan lagi kelahiran anak tidak sah taraf dan kes pemuangan bayi. Boleh Datin ulas sedikit mengenai isu ini dan bagaimana caranya untuk mengubah persepsi negatif masyarakat?

Persepsi tersebut adalah tidak benar kerana kewujudan OrphanCare dan *baby hatch* adalah untuk menyelamatkan nyawa tidak berdos, selain membantu pasangan suami isteri yang telah lama berkahwin tetapi tidak mempunyai zuriat, untuk mengambil anak angkat.

Bagi isu ini, kami juga telah berkerjasama dengan KPWKM untuk mengatasi masalah pemuangan bayi. Justeru, kami berharap agar kes pemuangan bayi dapat dikurangkan dengan penubuhan *baby hatch*, di samping berusaha menempatkan bayi dengan keluarga yang benar-benar inginkan anak.

Bagi memastikan misi ini sampai kepada masyarakat, kami telah mengadakan ceramah berkenaan kesihatan reproduktif di kolej-kolej, universiti dan sekolah.

Boleh Datin jelaskan sedikit apakah peranan dan bagaimana



BABY HATCH atau peti pelindung bayi merupakan satu sistem yang membolehkan orang ramai meletakkan bayi yang tidak diingini secara selamat, tanpa diketahui identiti.

Pelajar IPT tidak mengaku buang bayi

MELAKA Seorang pelajar Institut Pendidikan Sultan Ibrahim (IPSI) di sini mengaku telah membuang bayi yang dilahirkan semasa dia di dalam tong sampah di Hospital Kuala Melaka.

Terkejut, Hafizah Bahaud, 22, seorang pelajar IPT yang tinggal di Melaka, mengaku terkejut apabila dia telah menerima panggilan telefon dari ibu bapanya yang memberitahu bahawa dia telah melahirkan seorang bayi.

Ditahan selepas buang bayi

Menyebutkan kejadian, Hafizah telah ditangkap oleh pihak berkuasa dan ditahan di Hospital Kuala Melaka pada 17 Ogos lalu antara pukul 10.00 pagi hingga 5.00 petang.

Apa sahaja kesahihan, dia telah dipanggil ke pejabat polis dan ditahan di sana.

KERATAN akhbar pada 24 Ogos 2010 menunjukkan berita kes pemuangan bayi.

na *baby hatch* berfungsi?

Baby hatch atau peti pelindung bayi berperanan untuk melindungi bayi yang tidak diingini.

Pada kebiasaannya, individu akan datang ke *baby hatch* dan meletakkan bayi mereka di atas katil yang disediakan. Sensor pemberat yang berada di bawah tilam akan membunyikan penggera di ruang dalam pejabat. Dalam masa yang sama, pendingin hawa dan lampu akan terbuka secara automatik.

Apabila penggera berbunyi, penjaga yang tinggal di sini 24 jam seminggu akan melihat dan memantau kamera litar tertutup untuk memastikan kehadiran bayi dalam *baby hatch* tersebut.

Penjaga kemudian akan memaklumkan perkara tersebut kepada pegawai berkaitan sebelum menghantar bayi itu ke hospital berhampiran untuk pemeriksaan lanjut. Laporan polis akan dibuat dalam masa 24 jam.

Setakat ini, berapa banyak *baby hatch* yang terdapat di seluruh Malaysia?

Setakat ini, kami mempunyai tiga *baby hatch* yang beroperasi di bawah kendalian OrphanCare iaitu di Bukit Gasing, Petaling Jaya dan dua buah cawangan di Sungai Petani, Kedah dan Johor Bahru.

Pada tahun 2014, kami telah memeterai memorandum kolaborasi bersama Kumpulan Perubatan Johor (KPJ) di lapan lokasi iaitu KPJ Tawakal, Kuala Lumpur; KPJ Damansara, Selangor; KPJ Seremban, Negeri Sembilan; KPJ

Johor, KPJ Ipoh, Perak; KPJ Pulau Pinang, KPJ Kuantan, Pahang dan KPJ Perdana, Kelantan.

Sejak ia ditubuhkan, berapa bilangan bayi yang berjaya diselamatkan di OrphanCare?

Sejak tahun 2009, kami telah berjaya menyelamatkan 272 bayi yang mana 172 daripadanya telah diserahkan kepada keluarga angkat, manakala 100 orang lagi dijaga oleh keluarga kandung mereka sendiri selepas menerima kaunseling.

Di samping itu, 16 orang kanak-kanak berusia dua tahun dan ke atas telah selamat disatukan bersama keluarga angkat. Bagi program *deinstitutionalisation* pula, 11 orang kanak-kanak akan dikeluarkan dari institusi dan disatukan kembali bersama keluarga kandung mereka.

Apakah proses dan syarat kelayakan untuk mendapatkan anak angkat di OrphanCare?

Bukan mudah untuk menjadi ibu bapa angkat kepada kanak-kanak istimewa ini. Ini kerana, mereka perlu mematuhi syarat-syarat ditetapkan.

Syarat utama adalah tempoh perkahwinan pemohon perlu sekurang-kurangnya lima tahun dan tidak ada anak. Mereka juga perlu mengemukakan laporan daripada pakar kesuburan yang menerangkan penyebab utama pemohon gagal memperoleh anak.

Syarat-syarat lain adalah salah seorang daripada pemohon mestilah warganegara, sihat dari segi mental dan fizikal, tiada rekod jenayah, mempunyai suasana kejiwaan selamat dan pendapatan gabungan RM5,000 dan ke atas.

Mereka juga perlu mendaftar sebagai ibu bapa angkat dengan menghantar e-mel kepada admin@orphancare.org.my. Pasangan yang layak akan dipanggil untuk sesi temuduga dan menghadiri kursus keibubapaan *Potential Adoptive Parents Training* selama satu hari.

Jika mereka layak, pekerja sosial kami akan membuat lawatan ke rumah bagi memastikan kediaman mereka selamat untuk dihuni bayi tersebut. Lawatan susulan akan dilakukan setiap tiga bulan sekali selama dua tahun.



ORPHANCARE membantu memberi peluang kepada bayi-bayi tidak bernasib baik untuk hidup.

Umum mengetahui mencegah lebih baik dari merawat. Apakah pendapat Datin mengenai kepentingan pendidikan seksual yang perlu diperkenalkan dari peringkat awal?

Pendidikan seks penting kerana ia boleh menunjukkan kepada anak-anak kita mengenai buruk baik sesuatu perkara. Ini kerana, pada masa kini mereka banyak dipengaruhi dengan bahan-bahan diperoleh dari sosial media. Jadi, melalui pendekatan ini, kita boleh mencegah berlakunya perkara-perkara sebegini.

Bukan sahaja pendidikan seksual, peranan ibu bapa dalam institusi kekeluargaan juga penting. Ibu bapa perlu memantau anak-anak mereka dengan lebih kerap dan tidak melepaskannya seratus peratus kepada pihak sekolah sahaja.